

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI,

DATUK HUSSEIN ONN, DI UPACARA

PEMBUKAAN BANGUNAN BARU INSTI-

TIUT PENYELIDIKAN PERUBATAN

MALAYSIA, JALAN PAHANG, KUALA

LUMPUR PADA 25HB. FEBRUARI, 1978

JAM 9.30 PAGI.

1. YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad,
Timbalan Perdana Menteri Malaysia.
2. YB Tan Sri Chong Hon Nyan,
Menteri Kesihatan.
3. YB Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalean
Menteri.
4. Yang Berbahagia Dr. George F. de Witt,
Pengaruh Institiut Penyelidikan Perubatan.
5. Yang Berbahagia Datuk Alwi Jantan,
Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan.
6. Yang Mulia Dr. Raja Ahmad Nordin,
Ketua Pengarah Kesihatan.
7. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih
dan setinggi-tinggi penghargaan, kepada
Institiut Penyelidikan Perubatan dan

Kementerian Kesihatan, khusus^{nya} kepada ~~Yang~~
~~Berhormat~~ Tan Sri Chong dan ~~Yang~~ Berbahagia
 Dr. de Witt, di atas penghormatan yang
 diberikan kepada saya, merasmikan bangunan
baru Institiut Penyelidikan Perubatan
 pagi ini.

2. Saya juga mengucapkan tahniah
 kepada seluruh pegawai dan kakitangan
 Institiut ini, sempena ulangtahun^{nya} yang
ke 77. ~~Institiut ini.~~ Sesungguhnya, Institiut
 ini adalah lambang kemajuan negara, dan
 kejayaan ^{serta} ~~dan~~ perkembangannya selama ini,

telah meningkatkan imej negara di luar negeri.

3. Pengenalan dan pengiktirafan antarabangsa terhadap Instituti ini, adalah hasil sumbangan yang bernilai dan khidmat yang penuh minat, berdedikasi dan tekun, oleh ahli-ahli sains di Instituti ini, yang ingin menjadikan negara ini dan dunia amnya, tempat tinggal yang lebih sihat bagi kita dan jenerasi-jenerasi yang akan datang. Kerajaan mengambil perhatian berat di atas perkembangan, kejayaan dan kemajuan yang dicapai oleh Instituti ini,

di dalam penyelidikan penyakit-penyakit
utama, seperti beri-beri, demam kura,
~~malaria~~, demam taipus, penyakit taun,
demam kepialu dan demam denggi.

4. Sebagaimana kita sedia maklum,
Institusi ini bermula dengan tujuan penye-
lidikan yang tidak mempunyai sempadan.
Pekerja-pekerja saintifik dari negara-
negara lain, di benar menggunakan makmal-makmal
dan kemudahan-kemudahan yang ada. Mereka
menjalankan penyelidikan bersama, dan
hasilnya dapat digunakan bagi faedah

penduduk-penduduk negeri ini khasnya, dan seluruh dunia amnya. Kejayaan dasar yang liberal ini, dapat dilihat dari hasil dan usaha yang berterusan, di dalam beberapa aktiviti Instituti ini. Kerjasama dan persefahaman diantara Instituti ini dengan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan negara-negara lain dalam bidang penyelidikan, dapat dibuktikan sehingga di masa ini. Kerjasama dalam kajian dan penyelidikan bersama, terhadap perubatan dan pencegahan penyakit demam taipus, adalah contoh yang amat cemerlang.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

5. Usaha Institutiut ini mengutamakan penyelidikan perubatan dan mencegah penyakit-penyakit yang dihidapi oleh penduduk-penduduk kawasan luarbandar, amatlah menggalakkan.

Kerajaan memang sentiasa berikhtiar dan berusaha, bagi meningkatkan lagi kesihatan penduduk-penduduk luarbandar dan pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah. Kemudahan dan bantuan, dititikberatkan kepada rakyat gulungan miskin ini. Kesihatan yang lebih terjamin bagi rakyat luarbandar, yang

merupakan 70% penduduk Malaysia, mencerminkan sumbangan yang bernilai Instituti, terhadap perkembangan yang berterusan ekonomi negara.

Petani, peladang, ~~dan~~ nelayan, dan generasi-generasi muda, adalah tunas harapan negara masa depan.

6. Di masa-masa lampau, penduduk-penduduk di kawasan terpencil, tidak dapat menikmati kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan hospital dan kelinik kesihatan, seperti yang terdapat sekarang ini. Syukurilah, berkat pandangan jauh pemimpin-pemimpin

terdahulu, maka Instituti ini sekarang mempunyai Rancangan Penyelidikan Perubatan Luarbandar, yang menitekberatkan masaaalah-masaaalah kesihatan yang dihadapi oleh masyarakat luarbandar. Kebanyakan kampung-kampung yang terpencil, kampung-kampung nelayan, Rancangan Kemajuan Tanah, penempatan orang-orang Asli, kampung-kampung baru, ladang-ladang dan kawasan-kawasan perlombongan, sekarang ini telahpun dapat menikmati kemudahan-kemudahan kelinik dan perubatan, yang pada masa dahulu, hanyalah disediakan

di kawasan-kawasan bandar sahaja.

7. Melalui aktiviti-aktiviti Penyelidikan Kesihatan Luarbandar, Instituti ini telah dapat mengatasi dan mengkaji penyakit-penyakit seperti demam kura, penyakit untut (filariasis), masalah cacing, masalah pergigian, kekurangan zat vitamin dan masalah kesihatan yang lain, di kalangan penduduk luarbandar. Di samping menjalankan penyelidikan, per-
khidmatan rawatan juga diberikan kepada pesakit-pesakit tempatan oleh anggota-anggota rombongan penyelidikan itu. Hasil kajian

amatlah berfaedah kepada Kementerian-Kementerian yang terlibat, di dalam mengatur perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan di kawasan luarbandar.

8. Sebagaimana saya katakan, bahawa Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang kebajikan penduduk-penduduk luarbandar.

Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia

Ketiga, adalah bertujuan meninggikan lagi taraf hidup mereka, dan seterusnya merapatkan jurang perbezaan ekonomi antara yang berada dan yang kurang berada. Bagi mencapai

tujuan ini, kerjasama dan daya upaya beberapa Kementerian yang tertentu, adalah penting.

Ladies and Gentlemen.

8A. *I would like reiterate the Government's*
~~I wish to repeat here my Government's~~
 pledge to uplift the standard of living ^{of} ~~for~~
 all Malaysians, particularly those in the
 lower-income groups. An important ^{instrument} ~~tool~~ in
 the socio-economic advancement of our people,
 is the provision of adequate health and
medical facilities. In our country, the
 rural population forms 70% of the total, and
 is a group with a very high incidence of poverty.

therefore

~~Therefore~~ It is necessary ^{that} the thrust of our health and medical programmes, be towards the continuous upgrading and greater provision of health and medical facilities in the rural areas.

8B. I am happy to note that in this respect, Rural Health Research is among the priority programmes of the Institute. I have been ^{that} informed ^{that} this research programme has a multi-disciplinary approach to study the rural community health problems. Not only is study being ^{made} ~~under-~~ ~~taken~~ on diseases like malaria, filariasis, worm infestations, dental caries, malnutrition

and other health problems among the rural communities, but on-the-spot treatment is also conducted for ailments detected among the people involved in the Rural Health Study. These studies no doubt provide important background information, to those Ministries involved in the planning and implementation of their ~~respective~~ programmes in the rural areas.

8C. I fully realise that the successful implementation of medical and health programmes, requires the coordinated efforts of several

Ministries and government agencies. This approach is adopted, for example, for the Applied Nutrition Programme, which is coordinated by the Economic Planning Unit in my ^{Department.} ~~Ministry~~.

~~It is my~~ ^I hope that the Applied Nutrition Programme will expand rapidly to cover the entire country, including Sabah and Sarawak. In this respect, I would like to urge the Ministry of Health and other departments involved, to work closely together in this programme and other similar programmes, so as to avoid any unnecessary delay.

9. Dalam Rancangan Amalan Makanan Pemakanan, misalnya, kerjasama dan penglibatan beberapa Kementerian dan Jabatan, adalah diperlukan, bagi menjayakan rancangan tersebut. Saya harap, Rancangan Amalan Pemakanan ini, dapat terus diperluaskan, supaya meliputi seluruh negara, termasuk negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Dalam hubungan ini, saya sukalah menyarankan supaya Kementerian, Jabatan dan agensi-agensi

yang mengendalikan rancangan seperti ini, dan projek-projek pembangunan yang lain, yang bertujuan memberi kemudahan dan bantuan kepada rakyat jelata, supaya mewujudkan kerjasama dan persefahaman yang rapat, serta berkhidmat dengan penuh semangat berpasukan. Inilah sebaik-baik cara bagi mengurangkan kegiatan atau usaha berlipatganda, disamping memastikan faedah yang seluas-luasnya.

10. Demikianlah juga dalam lapangan penyelidikan, yang dijalankan oleh Universiti-universiti dan institusi-institusi. Mereka

hendaklah bekerjasama dalam menyelaraskan rancangan-rancangan penyelidikan, supaya tiap-tiap satunya, mempunyai arah yang tertentu, dan hasilnya boleh mendatangi^{kan} faedah kepada seluruh negara. Dengan jalan ini, penyelidikan akan menjadi lebih berekonomi, dan kemudahan-kemudahan dapat dipergunakan dengan lebih berfaedah lagi, oleh Kementerian-Kementerian yang berkaitan. Saya penuh yakin, Majlis Sains Nasional, yang ditubuhkan ke arah tujuan ini, dapat menunaikan peranan pentingnya, dalam menyelaraskan kegiatan dan hasil yang

diperolehi dari penyelidikan-penyelidikan,
yang dijalankan oleh universiti-universiti
dan institusi-institusi di negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

11. Usaha Institiut Penyelidikan Perubatan
bergerak dan bertindak, selaras dengan semangat
dan hasrat Pertubuhan Menteri-Menteri Pen-
didikan Asia Tenggara, merupakan sumbangan
terhadap kejayaan kerjasama serantau. Dalam
peranannya sebagai Pusat Nasional untuk
Malaysia, ia telah menganjurkan kursus

'postgraduate' tiap-tiap tahun, yang berlangsung selama enam bulan bagi tiap-tiap satu kursus. Satu daripadanya, ialah kursus Ilmu Parasit dan Kajiserangga, dan satu lagi ialah kursus Kajihayat seni Perubatan, yang diselenggarakan bagi ahli-ahli sains dan doktor-doktor di-Kawasan Asia Tenggara.

12. Saya harap, kerjasama serantau seperti ini, dapat terus berkembang bagi membantu negara-negara membangun di kawasan ini, serta meninggikan taraf dan kesihatan penduduk di rantau ini. Latihan kakitangan

dalam bidang teknikal dan profesyenal yang tertentu, adalah keperluan asas, untuk mengukuh *me-ngam-bang* rangka sistem kesihatan, dan mengembang kemahiran tempatan yang perlu, bagi meningkatkan mutu Penjagaan Kesihatan sesebuah negara. Perkembangan bersesuaian, instituti-institusi latihan, di dalam aspek-aspek ini, hendaklah diberi sokongan dan galakan.

13, Di samping menjalankan rancangan-rancangan penyelidikan, dan perkhidmatan, Instituti ini patutlah juga mengadakan

pakar-pakar diantara kakitangan-kakitangan, supaya berkhidmat sebagai pensyarah-pensyarah jemputan di Universiti-Universiti negara ini, dan juga di Instituti-Institusi luar negeri. Segala daya usaha hendaklah diambil, bagi mewujudkan tenaga mahir tempatan, supaya dalam tahun-tahun yang akan datang, kita akan mempunyai kakitangan-kakitangan akademi yang mencukupi bagi universiti-universiti tempatan, dan juga institusi-institusi lanjutan pelajaran tinggi. Adalah penting bagi kita melatih guru-guru, bagi memenuhi keperluan yang semakin bertambah, di dalam institusi-

institusi lanjutan pelajaran tinggi, yang sedang berkembang dengan pesatnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

14. Saya merasa bangga di atas peng-
iktirafan antarabangsa, yang dicapai oleh
ini.
 Instituti Penyelidikan Perubatan Pemilihannya
sebagai Pusat Penyelidikan dan Latihan
 Serantau bagi Penyakit-Penyakit Tropika,
oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, membuktikan
tingginya taraf Instituti ini, di dalam
 Dunia Perubatan. Penubuhan Pusat ini, sudah
 pasti dapat meningkatkan dorongan kakitangan

Institusi ini, serta meningkatkan lagi semangat dalam usaha-usaha penyelidikan.

15. Akhirnya, saya sukalah sekali lagi mengucapkan tahniah dan terimakasih, kepada Pengarah-Pengarah yang sedang berkhidmat, dan juga yang telah menyumbangkan tenaga dan fikiran pada masa-masa yang lampau, termasuk kakitangan-kakitangan lain, di atas kerja-kerja yang cemerlang, penyelidikan yang bersungguh-sungguh, dalam usaha meninggikan taraf kesihatan, mengurangkan penderitaan manusia, dan meninggikan mutu kehidupan

penduduk Malaysia. Dengan kemudahan-kemudahan yang baru, saya penuh yakin, Instituti ini mempunyai masa depan yang cerah. Saya *menggesa supaya* ~~merayulah~~ semua pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Instituti ini, memelihara serta meninggikan nama baik dan imej Institutinya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

16. Dengan ini saya, dengan sukacitanya, merasmikan bangunan baru Instituti Penyelidikan Perubatan ini, dibuka.

Terimakasih.



No Siri 343
No Penerimaan 23/81